

17 NOVEMBER 2017

## Sindiket seludup dadah antarabangsa tumpas

# Sindiket seludup dadah antarabangsa tumpas

**PULAU PINANG 16 Nov.** - Satu sindiket penyeludupan dadah antarabangsa yang menjadikan negeri ini sebagai pusat transit berjaya ditumpaskan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama polis Indonesia.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Roslee Chik berkata, dalam operasi pada pukul 3 petang Isnin lepas itu, pihaknya merampas dadah disyaki syabu seberat 24.7 kilogram (kg) bersama 8,400 biji pil disyaki ekstasi dengan nilai keseluruhan RM2.06 juta.

Ujar beliau, operasi yang dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman bersama Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) itu turut menahan dua lelaki Indonesia dan seorang rakyat tempa-

tan berusia 35 hingga 45 tahun yang dipercayai dalang utama kes berkenaan.

"Dalam serbuan di sekitar Bayan Baru dan Air Itam, polis turut menyita tiga kereta mewah iaitu Toyota Harrier, Lexus, Mercedes Benz dan sebuah kereta Perodua Myvi bernilai RM765,000 selain rampasan wang RM19,960," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir, Atase Ke-polisan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Chaidir Zahari.

Difahamkan, kesemua dadah yang dibungkus menjadi 20 ketulan itu disorok dalam sebuah kereta yang dirampas.

Mengulas lanjut, Roslee mem-

beritahu, pihaknya percaya kesemua dadah berkenaan akan di seludup ke Medan, Indonesia melalui laluan laut dan kumpulan berkenaan disyaki menjalankan kegiatan berkenaan selama dua bulan.

Ujarnya, dua lelaki Indonesia itu masuk ke negara ini secara sah manakala lelaki tempatan pula memiliki tiga rekod jenayah lampau berkaitan dadah.

"Kesemua suspek kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes berkenaan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Dalam pada itu, Roslee menjelaskan, PDRM akan terus bekerjasama dengan polis Indonesia termasuk bertukar maklumat risikan berhubung kegiatan penyeludupan dadah.



**ROSLEE CHIK** (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas ekoran penangkapan tiga suspek dalam sidang akhbar di Georgetown, Pulau Pinang, semalam. Turut hadir, **Chaidir Zahari** (kanan). - UTUSAN/SAZALI CHE DIN